

**SYARAT-SYARAT SKIM PINJAMAN BOLEH UBAH BAGI PROGRAM ASASI
ULUL ALBAB (ASUL) DAN LALUAN TERUS KE PERINGKAT SARJANA MUDA
PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN (MBBS) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI
SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA).**

Skim pinjaman ini dicadangkan untuk ditawarkan kepada calon lepasan **SPM atau kelayakan setaraf** yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Pelajar yang berjaya akan diberikan pilihan bagi mengikuti Pengajian Persediaan (**1 Tahun**) melalui **Program Sains Asasi Ulul Albab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**.

SYARAT UMUM

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada **Rakyat Negeri Terengganu** di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan **lahir di Negeri Terengganu**.
- ii. Ibu atau bapa **bukan** rakyat Terengganu tetapi **bermastautin selama 10 tahun** atau lebih boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- iii. Ibu atau bapa mestilah mendaftar sebagai **pemilih/pengundi** di Negeri Terengganu.
- iv. Berumur **tidak melebihi 25 tahun** semasa memohon dan bujang / belum berkahwin.
- v. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga **berpendapatan rendah (B40)**.

SYARAT AKADEMIK/KHUSUS

- i. Lulus SPM tahun semasa
 - i. Dengan memperoleh sekurang-kurangnya **Gred A (A+, A atau A-) dalam enam (6) mata pelajaran**, iaitu
 1. **Bahasa Melayu**
 2. **Bahasa Inggeris**
 3. **Sejarah**
 4. **Matematik**
 5. **Kimia**
 6. **Biologi**.
 - ii. serta memperoleh sekurang-kurangnya **Gred B+ dalam dua (2) mata Pelajaran**, iaitu
 1. **Matematik Tambahan**
 2. **Fizik**.

- ii. Calon juga hendaklah mempunyai hafazan sekurang-kurangnya **30 juzuk al-Quran**.

Penawaran biasiswa ke **peringkat Ijazah Pertama** (Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) tertakluk kepada:

Memperoleh keputusan cemerlang di peringkat persediaan (ASUL) dengan pencapaian **minimum CGPA 3.75 ke atas** atau **setaraf**.

PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line)

ytpenajaan.terengganu.gov.my

Borang permohonan mesti dilengkapi dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.